

**PAHANG**  
**ENAKMEN No. 3 tahun 1991**

BETA BERSETUJU,

(MOHOR KERAJAAN)

**HAJI AHMAD SHAH,**  
*Sultan Pahang*

13hb. Disember, 1991

Suatu Enakmen bagi membuat peruntukan mengenai undang-undang berkaitan dengan penguatkuasaan dan pentadbiran Undang-Undang Islam, penubuhan dan organisasi Mahkamah Syariah dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

[ ]

Menurut Fasal (1) Perkara 24 Bahagian Pertama Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang ADALAH DENGAN INI DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Badan Perundangan Negeri Pahang seperti berikut:

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

**1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991**

Tajuk ringkas  
dan mula  
berkuatkuasa

(2) Enakmen ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

(3) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh

menetapkan tarikh yang berlainan bagi berkuatkuasanya Bahagian atau seksyen yang berlainan Enakmen ini.

**2. (1)** Dalam Enakmen ini, melainkan konteksnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran

“ahli kariah”, berhubungan dengan sesuatu kariah masjid, ertinya seseorang yang tinggal tetap atau pada lazimnya tinggal dalam kariah masjid itu;

“Enakmen 1982” ertinya Enakmen Pentadbiran Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang 1982; Enak. 8/82

“fitrah” ertinya sesuatu unit sukatan beras atau nilai yang bersamaan dengannya yang wajib dibayar oleh seseorang Islam menurut Hukum Syarak;

“Hakim Mahkamah Rayuan Syariah” ertinya Hakim Mahkamah Rendah Syariah yang dilantik di bawah seksyen 54;

“Hakim Mahkamah Rendah Syariah” ertinya Hakim Mahkamah Rendah Syariah yang dilantik di bawah seksyen 45;

“Hakim Mahkamah Tinggi Syariah” ertinya Hakim Mahkamah Tinggi Syariah yang dilantik di bawah seksyen 43;

“Hukum Syarak” ertinya Undang-Undang Islam dalam mana-mana Mazhab yang sah;

“Imam” ertinya Imam yang dilantik di bawah seksyen 93;

“Jawatankuasa Kariah” ertinya Jawatankuasa Kariah yang ditubuhkan di bawah seksyen 98;

“kariah” atau ‘kariah masjid” berhubungan dengan sesuatu masjid, ertinya kawasan di mana masjid itu berada yang mana sempadannya ditetapkan di bawah seksyen 91;

“Ketua Hakim Syarie” ertinya Ketua Hakim Syarie yang dilantik di bawah seksyen 43;

“Ketua Pendakwa Syarie” ertinya orang yang dilantik di

bawah seksyen 65;

“Mahkamah Syariah” ertinya Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah, atau Mahkamah Rayuan Syariah, mengikut mana yang berkenaan, yang ditubuhkan di bawah seksyen 42;

“Majlis” ertinya Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang yang ditubuhkan di bawah seksyen 4;

“masjid” ertinya sesuatu bangunan yang diluluskan oleh Majlis untuk kegunaan sembahyang Jumaat dan sembahyang-sebahyang lain dan untuk kegunaan lain-lain kegiatan keagamaan;

“muallaf” ertinya seseorang yang baru memeluk agama Islam;

“Mufti” ertinya orang yang dilantik menjadi Mufti Negeri menurut seksyen 34 dan adalah termasuk Timbalan Mufti;

“nazar” ertinya sesuatu janji yang dilafazkan untuk melakukan sesuatu perbuatan atau untuk mewakafkan harta untuk apa-apa tujuan yang dibenarkan oleh Hukum Syarak;

“nazar am” ertinya sesuatu nazar yang pada keseluruhan atau sebahagiannya bertujuan untuk faedah kaum muslimin amnya dan bukannya untuk faedah orang atau orang-orang perseorangan;

“orang Islam” ertinya—

- (a) Seseorang yang menganut Islam;
- (b) Seseorang yang mana ada kedua-dua ibu bapa atau salah seseorang daripadanya pada masa kelahiran orang itu adalah seorang Islam;
- (c) Seseorang yang sejak lahir dididik atau telah dididik oleh orang Islam atau dengan cara yang diterima oleh Islam;

- (d) Seseorang yang telah memeluk agama Islam menurut seksyen 101 atau menurut kuasa seksyen 102 dan 103;
- (e) Seseorang yang lazimnya dikenali sebagai seorang Islam; atau
- (f) Seseorang yang telah menyebut, dalam keadaan di mana dia terikat dengan undang-undang untuk berkata benar, bahawa dia adalah seorang Islam, sama ada kenyataan itu dibuat secara lisan atau bertulis;

“Pegawai Masjid” ertinya Imam, Khatib, Bilal dan Siak yang dilantik di bawah seksyen 93;

“Pegawai Penguatuasa Agama” ertinya seseorang yang dilantik di bawah seksyen 65;

“pegawai undang-undang Kerajaan Persekutuan” ertinya seseorang Peguam Kanan Persekutuan, Peguam Persekutuan dan termasuklah seseorang Pembantu Undang-Undang;

“Peguam Syarie” ertinya seseorang yang dilantik di bawah seksyen 66;

“Setiausaha” ertinya Setiausaha Majlis yang dilantik di bawah seksyen 13;

“surau” ertinya sesuatu bangunan yang diluluskan oleh Majlis untuk kegunaan sembahyang berjemaah selain daripada sembahyang Jumaat dan untuk kegunaan lain-lain kegiatan keagamaan;

“wakaf am” ertinya sesuatu pengwakafan berkekalan akan modal dan pendapatan harta untuk tujuan keagamaan dan khairat yang diakui oleh Hukum Syarak dan harta yang diwakafkan sedemikian itu;

“wakaf khas” ertinya sesuatu pengwakafan berkekalan akan modal dan pendapatan harta untuk tujuan keagamaan dan khairat yang diakui

oleh Hukum Syarak dan harta yang diwakafkan sedemikian itu, di mana pendapatan harta itu diberikan kepada orang-orang atau untuk tujuan sebagaimana ditetapkan dalam wakaf itu;

“Yang Dipertua” ertiannya Yang Dipertua Majlis yang dilantik di bawah seksyen 7 dan adalah termasuk Timbalan Yang Dipertua;

“zakat” ertiannya sebahagian daripada hasil tahunan penanaman padi dan sebahagian daripada pendapatan perniagaan, ternakan dan termasuklah wang simpanan, emas dan perak menurut Hukum Syarak.

(2) Semua perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Enakmen ini dan yang tidak ditakrifkan di dalamnya tetapi ditakrifkan dalam Akta-Akta Tafsiran 1948 dan 1967 hendaklah mempunyai erti yang diberi kepadanya masing-masing oleh Akta itu setakat mana ia tidak bertentangan dengan Hukum Syarak.

Akta 388.

(3) Bagi mengelakkan keraguan berkenaan sifat atau tafsiran perkataan atau ungkapan yang digunakan dalam Enakmen ini yang disenaraikan di dalam Jadual Pertama, rujukan boleh dibuat kepada tulisan Arab bagi perkataan dan ungkapan itu yang ditunjukkan bersetentangan dengannya dalam Jadual itu.

(4) Majlis boleh dari masa ke masa meminda, memotong daripada atau menambah kepada Jadual Pertama melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

(5) Jika timbul apa-apa kekeliruan atau kecaburan dalam memberi takrif sesuatu perkataan atau ungkapan berkaitan dengan Hukum Syarak, maka adalah menjadi budibicara Mahkamah Tinggi Syariah untuk menentukan takrif perkataan dan ungkapan itu.

**3.** Kecuali sebagaimana diperuntukkan selainnya dengan nyata dalam Enakmen ini, tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Enakmen ini boleh melemahkan atau menyentuh hak-hak prerogatif dan kuasa-kuasa istimewa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan sebagai Ketua Agama Negeri, sebagaimana yang ditetapkan dalam Perkara 24 Bahagian Pertama Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang.

Kekecualian  
hak-hak  
prerogatif

## BAHAGIAN II

### MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG

**4. (1)** Maka adalah dengan ini ditubuhkan suatu pertubuhan

Penubuhan dan

perbadanan bernama Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang yang kekal turun-menurun dan boleh mendakwa dan didakwa atas namanya dan, tertakluk kepada dan bagi maksud Enakmen ini, boleh membuat kontrak dan boleh memperolehi, membeli, mengambil, memegang dan menikmati apa-apa jenis harta alih dan harta tak alih dan boleh memindah hak, menyerah hak, menyerah balik, memulangkan, menggadai, menggadai janji, mendemis, menyerah hak semula, memindah milik atau dengan cara lain melupuskan atau membuat apa-apa urusan mengenai apa-apa harta alih atau harta tak alih atau apa-apa kepentingan mengenainya yang terletak hak pada Majlis mengikut apa-apa syarat yang Majlis fikirkan patut.

pemerbadanan  
Majlis Ugama  
Islam dan Adat  
Resam Melayu  
Pahang

(2) Apabila sahaja mula berkuatkuasa Bahagian ini “Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang” yang wujud menurut kuasa seksyen 5 Enakmen 1982 hendaklah disifatkan sebagai badan yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1).

(3) Segala hak, kuasa, kewajipan dan tanggungan yang sebelum mula berkuatkuasa Bahagian ini adalah terletak hak atau dipertanggungkan kepada “Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang” hendaklah pada mula berkuatkuasa Enakmen ini terletak hak dan dipertanggungkan kepada Majlis, setakat mana ia tidak berlawanan dengan peruntukan-peruntukan Enakmen ini.

(4) Segala harta alih dan tak alih, daripada segala jenis, yang sebelum mula berkuatkuasa Enakmen ini adalah terletak hak pada “Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang” hendaklah, pada mula berkuatkuasa Bahagian ini dengan tiada perlu dipindah hak, diserah hak atau dipindah milik, terletak hak pada Majlis.

**5.** (1) Majlis hendaklah membantu dan menasihati Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan berkenaan dengan semua perkara yang berhubungan dengan agama Islam dan adat resam Melayu, kecuali perkara yang berkaitan dengan Hukum Syarak dan yang berhubungan dengan pentadbiran keadilan, setakat yang mengenai Negeri Pahang, dan dalam semua perkara tersebut

Kuasa dan  
fungsi Majlis.

hendaklah menjadi pihak berkuasa utama dalam Negeri Pahang selepas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Enakmen ini atau mana-mana Enakmen yang berhubungan dengan agama Islam.

(2) Pada melaksanakan fungsinya, Majlis hendaklah mempunyai kuasa membincangkan dan menjalankan semua aktiviti berkaitan dengan pembangunan agama Islam dan adat resam Melayu.

(3) Pada melaksanakan fungsinya, Majlis boleh menubuhkan atau menggalakkan penubuhan syarikat sama ada bersendirian atau bersekutu dengan badan atau orang lain dan boleh memberi bantuan kewangan kepada syarikat itu.

(4) Majlis boleh membeli, underait, atau memperolehi secara lain apa-apa saham atau syer dalam mana-mana syarikat awam atau persendirian yang mana perniagaannya adalah pada pendapatan Majlis tidak bercanggah dengan prinsip Islam.

**6.** Majlis hendaklah mempunyai suatu mohor yang mengandungi apa-apa tanda yang diluluskan oleh Majlis dan mohor itu boleh dari masa ke semasa dipecah, ditukar, diubah atau dibuat baharu sebagaimana difikirkan patut oleh Majlis.

Mohor.

**7. (1)** Majlis hendaklah mengandungi ahli-ahli berikut yang hendaklah seorang Islam—

Keanggotaan  
Majlis

- (a) Yang Dipertua;
- (b) Timbalan Yang Dipertua;
- (c) tujuh orang ahli atas jawatan;
- (d) tidak kurang daripada lima orang ahli lain.

(2) Yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua dan ahli-ahli di bawah perenggan (c) dan (d) subseksyen (1) hendaklah dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan atas budibicara Baginda bagi tempoh tidak melebihi tiga tahun.

(3) Seseorang ahli yang tempoh jawatannya telah tamat boleh dilantik semula

(4) Jika pada masa orang yang memegang jawatan yang disebut dalam perenggan (c) subseksyen (1) adalah seorang bukan Islam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan hendaklah melantik seorang lain yang beragama Islam yang terkanan daripada Jabatan yang sama untuk menjadi ahli menggantikan orang itu.

(5) Yang Dipertua boleh mewakilkan mana-mana fungsinya kepada Timbalan Yang Dipertua yang pada menjalankan fungsi-fungsi itu hendaklah tertakluk kepada kawalan, pengawasan dan arahan Yang Dipertua.

(6) Orang-orang yang sebaik sahaja sebelum berkuatkuasa seksyen ini adalah Yang Dipertua dan ahli-ahli “Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang” hendaklah, tertakluk kepada Enakmen ini, terus menjadi Yang Dipertua dan ahli-ahli Majlis sehingga tamat tempoh perlantikan mereka.

**8.** Majlis boleh melantik jawatankuasa-jawatankuasa bagi membantunya menjalankan tugas atau melaksanakan kuasanya.

Jawatankuasa.

**9.** Perlantikan ahli-ahli Majlis hendaklah tamat—

Tamat  
perlantikan

(a) atas kematiannya; atau

(b) jika ahli itu, dengan surat yang dialamatkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan melalui Yang Dipertua, meletakkan jawatannya; atau

(c) selain daripada Yang Dipertua, jika ahli itu tidak berada di Malaysia tanpa kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua bagi tempoh melebihi tiga bulan; atau

(d) jika ahli dihukum bankrap.

**10.** Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh membatalkan perlantikan mana-mana ahli Majlis—

Pembatalan  
perlantikan.

(a) jika kelakuan ahli itu sama ada yang berkaitan dengan tugasnya sebagai ahli atau selainnya telah memburukkan nama Majlis; dan

- (b) jika atas apa-apa sebab ahli itu telah menjadi tidak berkeupayaan menjalankan tugasnya dengan sempurna sebagai ahli; atau
- (c) jika ahli itu, tanpa sebarang alasan yang pada fikiran Yang Dipertua adalah mencukupi, telah tidak hadir selama tiga kali berturut-turut mesyuarat Majlis.

**11.** (1) Jika sekiranya atas sebab ketiadaan sementara ataupun atas sebab keuzuran mana-mana ahli Majlis, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh melantik seseorang yang difikirkan layak untuk menggantikan ahli itu buat sementara waktu.

Perlantikan sementara.

(2) Perlantikan di bawah subseksyen (1) hendaklah tamat tujuh hari selepas ahli sebenar memberi notis bertulis kepada Yang Dipertua tentang keupayaannya untuk kembali bertugas.

(3) Satu salinan notis di bawah subseksyen (2) hendaklah disampaikan juga kepada ahli sementara.

**12.** Semua perlantikan, penamatan dan pembatalan perlantikan di bawah seksyen 7, 9 dan 10 hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

Perlantikan hendaklah diwartakan.

**13.** (1) Setiausaha Majlis hendaklah dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan atas nasihat Majlis.

Setiausaha.

(2) Setiausaha adalah berhak menghadiri semua mesyuarat Majlis dan mengambil bahagian dalam perjalanannya tetapi tidak mempunyai hak mengundi.

**14.** (1) Yang Dipertua boleh menjemput seseorang yang bukan ahli Majlis hadir dalam mesyuarat Majlis, jika perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat memerlukan kehadiran orang itu.

Kehadiran bukan ahli dalam mesyuarat

(2) Seseorang yang dijemput hadir di bawah subseksyen (1) adalah berhak mengambil bahagian dalam perbincangan Majlis, tetapi tidak mempunyai hak mengundi.

**15.** (1) Yang Dipertua atau semasa ketiadaannya, Timbalan Yang Dipertua hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat Majlis:

Mempengerusi-kan mesyuarat.

Dengan syarat bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan, jika hadir, boleh mempengerusikan mana-mana mesyuarat Majlis.

(2) Jika kedua-keduanya iaitu Yang Dipertua dan Timbalan Yang Dipertua tidak hadir dalam mesyuarat, ahli-ahli yang hadir hendaklah memilih seorang daripada ahli Majlis mempengerusikan mesyuarat.

**16.** Tiada urusan, kecuali yang berkenaan dengan penangguhan, boleh dibuat dalam mesyuarat, dan tiada ketetapan atau tindakan Majlis yang dibuat atau dilaksanakan di dalam mesyuarat boleh menjadi sah, kecuali sekurang-kurangnya satu pertiga ahli-ahli termasuk orang yang mempengerusikan mesyuarat hadir dalam mesyuarat itu.

Kuorum

**17.** Kecuali sebagaimana diperuntukkan selainnya dengan nyata dalam Enakmen ini, semua keputusan Majlis atas apa-apa perkara hendaklah dibuat secara syura, iaitu keputusan yang dicapai mengikut pendapat majoriti setelah sesuatu perkara dibincangkan dan jika perlu secara undi.

Perjalanan urusan

**18.** (1) Semua mesyuarat Majlis hendaklah dipanggil oleh Setiausaha.

Memanggil mesyuarat.

(2) Yang Dipertua boleh pada bila-bila masa mengarahkan Setiausaha memanggil mesyuarat.

(3) Mana-mana empat orang ahli Majlis boleh pada bila-bila masa secara bertulis menghendaki Setiausaha memanggil mesyuarat Majlis dengan syarat mereka memberitahu Setiausaha tujuan mesyuarat itu dipanggil.

(4) Setiausaha hendaklah memanggil mesyuarat dalam tempoh empat belas hari dari tarikh diterima arahan atau kehendak di bawah subseksyen (2) dan (3), atau jika Yang Dipertua mengarahkan serta merta, sebaik sahaja menerima arahan tersebut atau kehendak tersebut.

(5) Sekurang-kurangnya tujuh hari notis bertulis hendaklah diberi mengenai mana-mana mesyuarat tetapi Yang Dipertua boleh, jika pada pendapatnya ada keperluan mendesak untuk memanggil suatu mesyuarat dengan notis yang lebih pendek, mengarahkan kehendak notis tujuh hari itu tidak perlu diikuti.

(6) Notis mesyuarat boleh dihantar melalui pos kepada ahli yang dialamatkan kepada alamat tempat tinggalnya yang terakhir diketahui dan hendaklah disifatkan sebagai telah disampaikan dengan cara pos.

(7) Tiada notis mesyuarat diperlukan untuk ahli yang pada masa itu sedang berada di luar Malaysia.

**19.** Pengerusi mesyuarat hendaklah mengawal segala perbincangan dan prosiding mesyuarat Majlis dan hendaklah bertanggungjawab menjalankan mesyuarat dengan teratur dan lancar.

Kuasa pengerusi mesyuarat.

**20.** Tertakluk kepada apa-apa arahan yang diberi oleh Yang Dipertua kepadanya, Setiausaha hendaklah berkuasa ke atas semua surat-menjurat dan dokumen Majlis dan dalam segala hal lain menjalankan kewajipan yang telah dipertanggungkan kepadanya oleh Enakmen ini atau yang ditugaskan oleh Yang Dipertua.

Kewajipan dan kuasa Setiausaha

**21.** (1) Setiausaha hendaklah menyimpan minit segala mesyuarat Majlis dan pada tiap-tiap mesyuarat minit mesyuarat yang lalu hendaklah dibaca dan disahkan tertakluk kepada apa-pidaan yang dibuat.

Minit

(2) Kecuali diarahkan sebaliknya oleh Majlis dalam keskes tertentu, minit hendaklah dalam bentuk ringkas dan mengandungi keputusan dan perkara yang mustahak.

(3) Dengan seberapa segera selepas tiap-tiap mesyuarat Majlis satu salinan minit hendaklah disembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan dihantar kepada semua ahli Majlis.

(4) Mesyuarat Majlis hendaklah diadakan dengan sebegitu kerap yang tidak melebihi tiga bulan berselang antara satu mesyuarat dengan yang lain.

**22.** (1) Pengerusi mesyuarat hendaklah menetapkan tertib perkara-perkara yang hendak dimesyuaratkan.

Peraturan  
mesyuarat dan  
pengundian

(2) Pengerusi mesyuarat boleh menentukan tertib ahli-ahli yang hendak bercakap dalam mesyuarat dan boleh pada bila-bila masa menghendaki mana-mana ahli berhenti daripada bercakap dalam mesyuarat.

(3) Jika berlaku bersamaan undi bagi apa-apa keputusan, pengerusi mesyuarat hendaklah mempunyai undi pemutus.

**23.** Satu salinan apa-apa keputusan Majlis yang telah diakui sah oleh Setiausaha sebagai salinan yang benar keputusan Majlis adalah mencukupi sebagai keterangan mengenainya dan semua mahkamah termasuk mahkamah sivil hendaklah memberi pengiktirafan kehakiman terhadap tandatangan Setiausaha.

Salinan  
keputusan.

**24.** Yang Dipertua hendaklah, jika menjangka tidak akan berada di Negeri Pahang atas apa-apa sebab selama lebih daripada tiga puluh hari, memohon cuti kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan yang boleh memberi apa-apa arahan sebagaimana Baginda fikirkan patut, dan ahli-ahli yang lain dan Setiausaha hendaklah memohon cuti kepada Yang Dipertua.

Cuti.

**25.** (1) Dalam perkara tergempar, Yang Dipertua boleh membuat atau mengarahkan dibuat bagi pihak Majlis apa-apa perbuatan atau perkara yang boleh dibuat oleh ketetapan Majlis.

Bertindak  
dalam  
perkara  
tergempar.

(2) Jika sesuatu perbuatan atau perkara dibuat mengikut subseksyen (1), suatu mesyuarat Majlis hendaklah diadakan dalam tempoh tujuh hari selepas itu bagi maksud mengesahkan dan memperakui perbuatan atau perkara yang dibuat itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh memberi arahan di atas perkara itu sebagaimana Baginda fikirkan patut.

**26.** (1) Majlis boleh melalui ketetapan, dan tertakluk kepada apa-apa syarat dan sekatan sebagaimana Majlis fikirkan patut, mewakilkan kepada Yang Dipertua atau Setiausaha atau kepada mana-mana jawatankuasa Majlis perlaksanaan mana-mana tugasnya atau perjalanan mana-mana kuasanya.

Perwakilan  
kuasa  
dan tugas

(2) Perlaksanaan tugas dan perjalanan kuasa menurut pewakilan di bawah subseksyen (1) hendaklah tertakluk kepada kawalan dan arahan Majlis.

(3) Yang Dipertua, Setiausaha atau jawatankuasa hendaklah memberitahu Majlis semua perbuatan dan perkara yang dibuat oleh mereka masing-masing menurut perwakilan di bawah subseksyen (1).

**27.** Perjalanan urusan Majlis hendaklah dirahsiakan dan tiada seorangpun ahli atau pengkhidmatnya boleh mendedahkan atau memberitahu kepada mana-mana orang, selain daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan, Menteri Besar dan mana-mana ahli Majlis, sesuatu perkara yang telah berbangkit dalam mana-mana mesyuarat kecuali dia dibenarkan atau dikehendaki berbuat demikian oleh Majlis.

Rahsia.

**28.** (1) Majlis boleh melantik atau mengambil khidmat pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat lain sebagaimana yang pada munasabahnya perlu bagi maksud Enakmen ini.

Perlantikan  
pegawai dan  
pengkhidmat  
Majlis.

(2) Pegawai dan pengkhidmat Majlis hendaklah berada di bawah kawalan pentadbiran Yang Dipertua.

(3) Maka hendaklah dibayar kepada pegawai dan pengkhidmat Majlis apa-apa saraan atau elauan sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis.

**29.** Semua ahli, pegawai dan pengkhidmat Majlis, semasa menunaikan kewajipan-kewajipan mereka sebagai ahli, pegawai dan pengkhidmat Majlis, hendaklah disifatkan sebagai pengkhidmat awam mengikut pengertian Kanun Kesekeaan.

Pengkhidmat  
awamN.M.B.  
Bab 45.

**30.** (1) Tiada seorangpun ahli Majlis boleh dipertanggungkan atas apa-apa kerugian yang berbangkit daripada atau timbul daripada apa-apa pelaburan yang dibuat menurun peruntukan-peruntukan Enakmen ini, atau sesuatu kegagalan memungut atau mendapatkan wang atau aset Majlis, melainkan jika kerugian atau kegagalan itu adalah disebabkan oleh kecuaian yang disengajakan atau fraud.

Perlindungan  
ahli, pegawai  
dan peng-  
khidmat Majlis

(2) Seseorang Ahli, pegawai, pengkhidmat, ejen atau orang yang bertindak di bawah kuasa Majlis hendaklah ditanggung rugi oleh Majlis terhadap apa-apa tindakan atau prosiding berkenaan dengan apa-apa perbuatan, perkara atau benda yang secara *bona fide* dilakukan atau ketinggalan daripada dilakukan olehnya pada menjalankan atau yang berupa sebagai menjalankan mana-mana hak atau kuasa Majlis atau ahli Majlis.

**31.** Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 hendaklah dipakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Majlis atau terhadap mana-mana ahli, pegawai, pengkhidmat atau ejen Majlis berkenaan dengan apa-apa perbuatan, keabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya atas sifat yang sedemikian itu.

Akta  
Perlindungan  
Pihak  
Berkuasa  
Awam 1948  
dipakai bagi  
Majlis.  
Akta 198.

**32.** Maka hendaklah dibayar kepada ahli-ahli Majlis atau jawatankuasanya atau mana-mana orang lain apa-apa saraan atau elauan sebagaimana yang ditetapkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan melalui kaedah.

Saraan dan  
elaun.

**33.** Majlis boleh, tertakluk kepada Enakmen ini, menentukan semua perkara berkaitan dengan prosedur dan amalannya sendiri:

Prosedur.

Dengan syarat bahawa amalan dan prosedur yang dipakai oleh Kerajaan Negeri boleh digunakan sebagai panduan.

**34.** (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan hendaklah melantik seorang yang layak dan sesuai untuk menjadi Mufti Negeri selama tempoh dan menurut syarat-syarat yang diperkenankan oleh Baginda.

Perlantikan  
Mufti.

(2) Apabila berkuatkuasa seksyen ini, orang yang menjadi Mufti Negeri sebelum sahaja berkuatkuasa seksyen ini hendaklah disifatkan sebagai telah dilantik di bawah seksyen ini menjadi Mufti Negeri dan hendaklah terus memegang jawatan itu sehingga perlantikan Mufti Negeri di bawah Enakmen ini dibuat.

(3) Seorang Timbalan Mufti Negeri boleh dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk membantu Mufti

menjalankan tugasnya di bawah Enakmen ini.

(4) Perlantikan Mufti dan Timbalan Mufti hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

**35.** Mufti hendaklah membantu dan menasihati Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan berkenaan dengan semua perkara yang berhubungan dengan Hukum Syarak, dan dalam semua perkara tersebut hendaklah menjadi pihak berkuasa utama dalam Negeri Pahang selepas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan, kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Enakmen ini.

Kuasa Mufti

**36.** (1) Mufti boleh atas daya usahanya sendiri atau atas permintaan daripada mana-mana orang yang dibuat melalui surat yang dialamatkan kepada Mufti, atau atas perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan, membuat dan, tertakluk kepada subseksyen 2, menyatakan dalam *Warta* fatwa atau pendapat atas sesuatu persoalan yang belum diputuskan atau persoalan yang menimbulkan pertikaian mengenai atau yang berkaitan dengan Hukum Syarak.

(2) Sesuatu fatwa yang dibuat oleh Mufti boleh disiarkan dalam *Warta* jika difikirkan perlu oleh Mufti tetapi hendaklah disiarkan dalam *Warta* jika diperintahkan dibuat demikian oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan.

(3) Sebaik sahaja dibuat oleh Mufti, sesuatu fatwa hendaklah mengikat setiap orang Islam yang tinggal di Negeri Pahang sebagai ajaran agamanya dan hendaklah menjadi kewajipannya mengikuti dan berpegang kepada fatwa itu, kecuali dia dibenarkan oleh Hukum Syarak menyimpang daripada fatwa itu dalam hal kewajipan peribadi, kepercayaan atau pendapat.

(4) Sesuatu fatwa hendaklah diiktiraf oleh semua Mahkamah Syariah dalam Negeri Pahang sebagai yang penuh berkuasa dalam perkara yang ditetapkan itu.

**37.** (1) Semua fatwa hendaklah menyebut bahawa ia dibuat menurut seksyen 36.

Bentuk  
fatwa.

(2) Sesuatu fatwa jika disiarkan dalam *Warta* hendaklah dalam Bahasa Kebangsaan dan tulisan rumi dan jawi.

**38.** (1) Mufti boleh atas daya usahanya sendiri atau atas permintaan daripada mana-mana orang yang dibuat melalui surat yang dialamatkan kepada Mufti, atau atas perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan, meminda, mengubahsuai atau membatalkan mana-mana fatwa yang dikeluarkan olehnya atau oleh mana-mana Mufti terdahulu daripadanya.

Pindaan,  
ubahsuai  
atau  
pembatalan  
fatwa

(2) Sesuatu pindaan, ubahsuaian atau pembatalan ke atas sesuatu fatwa hendaklah dianggap menjadi fatwa dan peruntukan-peruntukan subseksyen (2), (3) dan (4) seksyen 36 dan subseksyen (2) seksyen 37 hendaklah terpakai.

(3) Pindaan, ubahsuaian atau pembatalan sesuatu fatwa hendaklah menyebut bahawa ia dibuat menurut peruntukan subseksyen (1).

**39.** (1) Maka hendaklah ada suatu jawatankuasa yang dikenali sebagai jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak.

Jawatankuasa  
Perundingan  
Hukum  
Syarak.

(2) Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada—

- (a) Mufti sebagai pengurus;
- (b) Dua orang ahli Majlis yang dilantik oleh Majlis;

(c) Seorang pegawai daripada Jabatan Agama Islam Pahang yang mahir dalam Hukum Syarak yang akan dilantik oleh Majlis; dan

(d) Sekurang-kurangnya dua orang, tetapi tidak lebih daripada enam orang yang akan dilantik oleh Majlis, terdiri daripada orang-orang yang mahir dalam Hukum Syarak.

(3) Orang yang sebaik sahaja sebelum berkuatkuasa seksyen ini telah dilantik sebagai ahli jawatankuasa Syariah yang ditubuhkan di bawah seksyen 37 Enakmen 1982, hendaklah disifatkan sebagai telah dipilih atau dilantik menjadi ahli Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak dan hendaklah

terus menjadi ahli sehingga tamat tempoh perlantikannya.

(4) Pengerusi dan dua orang ahli Jawatankuasa yang lain, seorang daripadanya hendaklah bukan ahli Majlis, hendaklah menjadi kuorum.

(5) Apabila Mufti bercadang hendak membuat fatwa di bawah seksyen 36, dia hendaklah memanggil suatu mesyuarat Jawatankuasa bagi maksud membincangkan persoalan yang hendak diberi fatwa itu.

(6) Jawatankuasa hendaklah menimbangkan cadangan tersebut dan hendaklah, melainkan pada pandangan Jawatankuasa persoalan yang dirujukkan itu adalah remeh atau atas sebab-sebab lain tidak sepatutnya diputuskan, menyediakan satu draf fatwa mengenainya dan jika drat fatwa itu diluluskan dengan sebulat suara oleh Jawatankuasa, Mufti boleh membuat fatwa menurut seksyen 36.

(7) Sebelum Mufti membuat fatwa, dia boleh mengarahkan suatu kajian atau penyelidikan dibuat dan kertas kerja disediakan.

**40.** Walau apapun undang-undang bertulis yang berlawanan, Mufti tidak boleh disaman untuk memberi pendapat atau keterangan mengenai Hukum Syarak di dalam mana-mana mahkamah sivil atau Mahkamah Syariah tetapi jika di dalam mana-mana mahkamah lain daripada Mahkamah Syariah sesuatu persoalan Hukum Syarak patut diputuskan, mahkamah itu boleh meminta Mufti memberi pendapat mengenai persoalan itu, dan Mufti boleh memberi pendapatnya kepada mahkamah itu.

Permintaan  
untuk pendapat  
oleh mana-mana  
mahkamah.

**41.** (1) Semasa mengeluarkan fatwa di bawah seksyen 36 atau memberi pendapat di bawah seksyen 40, Mufti hendaklah pada lazimnya mengikut qaul muktamad Mazhab Shafie.

Nas yang  
akan diikuti.

(2) Jika Mufti berpendapat bahawa dengan mengikut qaul muktamad Mazhab Shafie boleh membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, Mufti boleh mengikuti qaul muktamad Mazhab Hanafi, Mazhab Maliki, atau Mazhab Hambali.

(3) Jika Mufti berpendapat bahawa tiada suatupun daripada qaul muktamad empat Mazhab itu boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, Mufti boleh memutuskan masalah itu menurut pendapatnya sendiri dengan tidak terikat kepada qaul muktamad mana-mana Mazhab yang empat.

### BAHAGIAN III

#### MAHKAMAH SYARIAH

**42.** Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan atas nasihat Majlis boleh melalui pemberitahuan dalam *Warta* menujuhkan Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah bagi Negeri Pahang pada tempat yang difikirkan sesuai dan boleh menetapkan sempadan tempatan bidangkuasa Mahkamah itu.

Penubuhan  
Mahkamah  
Syariah

**43.** (1) Ketua Hakim Syarie dan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan atas nasihat Majlis.

Perlantikan  
Hakim

(2) Sebelum mengemukakan nasihatnya mengenai perlantikan seseorang Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Majlis hendaklah merujuk kepada Ketua Hakim Syarie.

(3) Seseorang adalah layak dilantik di bawah subseksyen (1) jika—

(a) dia seorang lelaki Islam;

(b) dia seorang warganegara; dan

(d) selama tempoh tidak kurang daripada sepuluh tahun sebelum perlantikannya, dia telah beramali sebagai Peguam Syarie di mana-mana Mahkamah Syariah atau sebagai anggota Mahkamah Syariah atau mempunyai kepakaran dalam perundangan Islam.

(4) Bagi maksud subseksyen (3) seseorang yang sebelum berkuatkuasa Enakmen ini telahpun beramali sebagai peguambela di Mahkamah Syariah hendaklah disifatkan sebagai

Peguam Syarie dan seseorang yang telah berkhidmat sebagai Kadi Besar, Kadi atau Pendakwa di Mahkamah Syariah hendaklah disifatkan sebagai anggota Mahkamah Syariah.

(5) Semua perlantikan di bawah seksyen ini hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

**44.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (2) hingga (5), Ketua Hakim Syarie, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah dan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah memegang jawatan sehingga dia mencapai umur enam puluh lima tahun atau sehingga suatu masa kemudiannya sebagaimana diluluskan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan, tetapi masa itu tidak boleh lebih daripada enam bulan selepas dia mencapai umur enam puluh lima tahun.

Tempoh  
memegang  
jawatan  
Hakim

(2) Seseorang Hakim Mahkamah Tinggi Syariah boleh meletakkan jawatannya pada bila-bila masa dengan mengutus surat yang ditandatangani olehnya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan tetapi dia tidak boleh dipecat daripada jawatan kecuali menurut peruntukan seksyen ini yang berikut.

(3) Jika Ketua Hakim Syarie membuat representasi kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan menyatakan bahawa seseorang Hakim Mahkamah Tinggi Syariah patut dipecat oleh kerana—

- (a) Kelakuannya tidak baik; atau
- (b) Dia tidak berkeupayaan oleh kerana kelemahan tubuh atau otak atau apa-apa sebab lain untuk menyempurnakan tugas dengan sepatutnya,

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan hendaklah melantik suatu tribunal menurut subseksyen (4) dan merujukkan representasi itu kepadanya, dan atas syor boleh memecat Hakim Mahkamah Tinggi Syariah itu daripada jawatannya.

(4) Tribunal tersebut hendaklah mengandungi tidak kurang daripada lima orang lelaki Islam yang memegang atau pernah memegang jawatan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah atau

hakim Mahkamah Tinggi Sivil di Malaysia, dan tribunal itu hendaklah diketuai oleh ahli yang terdahulu menurut susunan yang berikut, iaitu Ketua Hakim Syarie, dan ahli-ahli yang lain mengikut tarikh perlantikan mereka ke jawatan yang melayakkan mereka menjadi ahli.

(5) Sementara menantikan apa-apa representasi dan laporan di bawah subseksyen (3) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh, atas syor Ketua Hakim Syarie, menggantung seseorang Hakim Mahkamah Tinggi Syariah daripada menjalankan tugasnya.

(6) Tertakluk kepada peruntukan seksyen ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh membuat peraturan bagi memperuntukkan syarat jawatan, perletakan dan perlucutan jawatan Ketua Hakim Syarie.

(7) Walau apapun peruntukan subseksyen (1), sahnya apa-apa perkara yang dilakukan oleh Ketua Hakim Syarie, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah dan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah tidak boleh dipersoal atas alasan bahawa Hakim itu telah mencapai had umur yang dia dikehendaki bersara.

**45.** (1) Hakim Mahkamah Rendah Syariah hendaklah dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan atas perakuan Ketua Hakim syarie.

Perlantikan  
Hakim  
Mahkamah  
Rendah  
Syariah.

(2) Tiada seorangpun boleh dilantik menjadi Hakim Mahkamah Rendah Syariah kecuali dia adalah seorang anggota Perkhidmatan Pegawai Syariah Negeri Pahang atau Perkhidmatan Awam.

(3) Semua perlantikan di bawah subseksyen (1) hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

**46.** (1) Kebawah Duli Yang Mulia Sultan atas nasihat Ketua Hakim Syarie hendaklah melantik seorang Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah, seorang Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah dan beberapa orang Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah.

Pendaftar.

(2) Tiada seorangpun boleh dilantik di bawah subseksyen (1) kecuali dia adalah seorang anggota Perkhidmatan Pegawai Syariah Negeri Pahang atau Perkhidmatan Awam.

**47.** (1) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah mempunyai bidangkuasa di seluruh Negeri Pahang dan hendaklah diketuai oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah.

Bidangkuasa  
Mahkamah  
Tinggi  
Syariah.

(2) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah—

(a) Dalam bidangkuasa jenayah, membicarakan semua kesalahan yang dilakukan oleh orang Islam dan boleh dihukum di bawah Enakmen ini atau Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 1987 atau di bawah undang-undang bertulis lain yang memberi kepada Mahkamah Syariah bidangkuasa untuk membicarakan apa-apa kesalahan, dan boleh mengenakan apa-apa hukuman yang diperuntukkan di dalamnya; dan

Enak. 3/87.

(b) Dalam bidangkuasa mal, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding dalam semua pihak adalah orang Islam dan yang berkaitan dengan—

(i) pertunangan, perkahwinan, perceraian, pembatalan perkahwinan (fasakh), atau perpisahan (faraq);

(ii) apa-apa pelupusan atau tuntutan terhadap mana-mana harta yang timbul daripada perkara yang tersebut dalam subperenggan (i);

(iii) nafkah tanggungan, kesahteran atau penjagaan kanak-kanak (hadzanah);

(iv) pembahagian atau tuntutan terhadap harta sepencarian;

(v) wasiat atau pemberian semasa hampir maut

- (maradhul maut) seseorang si mati Islam;
- vi) pemberian semasa hidup atau penyelesaian yang dibuat tanpa balasan yang mencukupi dengan wang atau nilai wang oleh seseorang Islam;
  - (vii) wakaf atau nazar;
  - (viii) menentukan waris dan membahagikan harta berwasiat atau tidak berwasiat orang Islam; dan
  - (ix) perkara-perkara lain yang berkenaan dengannya bidangkuasa diberi oleh mana-mana undang-undang bertulis.

**48.** (1) Mahkamah Rendah Syariah hendaklah mempunyai bidangkuasa di dalam sempadan tempatan bidangkuasa yang diberi kepadanya dan hendaklah diketuai oleh seorang Hakim Mahkamah Rendah Syariah.

Bidangkuasa  
Mahkamah  
Rendah  
Syariah.

(2) Mahkamah Rendah Syariah hendaklah—

- (a) dalam bidangkuasa jenayah, membicarakan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh orang Islam di bawah Enakmen ini atau di bawah undang-undang bertulis lain yang memberi kepada Mahkamah Syariah bidangkuasa untuk membicarakan apa-apa kesalahan yang mana hukuman maksimum yang diperuntukkan tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara bagi tempoh yang tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya; dan
  - (b) dalam bidangkuasa mal, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding yang Mahkamah Rendah Syariah dibenarkan mendengar dan memutuskannya dalam mana jumlah atau nilai hal perkara yang dipertikaikan tidak melebihi seratus ribu ringgit atau yang tidak dapat dianggarkan dengan wang.
- (3) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh dari masa ke semasa melalui pemberitahuan dalam *Warta* meluaskan bidangkuasa Mahkamah Rendah Syariah.

**49.** (1) Sesuatu rayuan hendaklah dibawa kepada Mahkamah Tinggi Syariah daripada keputusan Mahkamah Rendah Syariah-

Rayuan ke  
Mahkamah  
Tinggi  
Syariah.

- (a) dalam bidangkuasa jenayah, oleh pendakwa atau oleh orang yang telah sabit kesalahan, dan rayuan ini bolehlah terhadap pembebasan, sabitan atau hukuman atau mana-mana satu daripada yang tersebut itu;
- (b) dalam bidangkuasa mal—
  - (i) oleh mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan itu, jika jumlah yang dituntut itu tidak kurang daripada lima ratus ringgit;
  - (ii) dalam semua kes yang melibatkan apa-apa keputusan mengenai status peribadi, oleh mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan itu;
  - (iii) dalam semua kes yang berkaitan dengan nafkah tanggungan, oleh mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan itu:

Dengan syarat bahawa tiada suatupun rayuan boleh dibuat terhadap keputusan yang telah dibuat dengan persetujuan; dan

- (c) dalam kes-kes lain, jika Mahkamah Tinggi Syariah memberi kebenaran untuk merayu.
- (2) Dalam mana-mana rayuan, Mahkamah Tinggi Syariah boleh—

- (a) dalam perkara jenayah, menolak rayuan, sabitan atau hukuman perayu, memerintahkan Mahkamah yang membicarakan kes itu memanggil pembelaan atau membuat siasatan lanjut, menambah atau meminda bentuk hukuman itu, memerintahkan perbicaraan semula, atau meminda, atau membatalkan perintah Mahkamah yang membicarakan kes itu; dan

(b) dalam perkara mal, mengesahkan, membatalkan atau mengubah keputusan Mahkamah yang membicarakan kes itu, menjalankan mana-mana kuasa sebagaimana Mahkamah yang membicarakan boleh menjalankan, membuat perintah sebagaimana Mahkamah yang membicarakan sapatutnya membuatnya, atau memerintahkan perbicaraan semula.

**50.** (1) Sesuatu permohonan untuk merayu atau permohonan untuk kebenaran merayu di bawah subseksyen (1) (c) seksyen 49 hendaklah dibuat kepada Mahkamah Tinggi Syariah mengikut cara yang ditetapkan dalam tempoh empat belas hari dari tarikh hukuman, perintah atau keputusan yang berhubung dengannya permohonan itu dibuat.

Permohonan  
untuk  
kebenaran  
merayu

(2) Mahkamah Tinggi Syariah semasa mendengar mana-mana permohonan untuk merayu atau untuk kebenaran merayu boleh atas alasan yang tertentu melanjutkan masa untuk merayu, walaupun masanya telah tamat.

**51.** Jika dalam masa prosiding yang berkaitan dengan pentadbiran atau pembahagian harta pusaka seorang simati Islam, sesuatu mahkamah atau pihak berkuasa, selain daripada Mahkamah Syariah, adalah berkewajipan menentukan orang-orang yang berhak kepada bahagian harta pusaka itu, atau bahagian-bahagian yang orang itu masing-masing berhak, Mahkamah Syariah boleh atas permintaan mahkamah atau pihak berkuasa itu, atau atas permohonan daripada mana-mana orang yang mendakwa sebagai waris atau wakilnya dan setelah dibayar fee yang ditetapkan, mengesahkan fakta-fakta dalam perkara itu dan pendapatnya mengenai orang-orang yang berhak kepada bahagian harta pusaka itu dan mengenai bahagian yang mereka berhak.

Sijil Faraid.

**52.** (1) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah mempunyai

Bidangkuasa  
menyemak dan  
mengawas.

bidangkuasa mengawasi secara am dan bidangkuasa menyemak ke atas semua Mahkamah Rendah Syariah dan boleh, jika didapati perlu demi kepentingan keadilan, sama ada atas kehendaknya sendiri atau atas kehendak pihak atau orang yang berkepentingan, pada mana-mana peringkat dalam sesuatu perkara atau prosiding sama ada mal atau jenayah dalam mana-mana Mahkamah Rendah Syariah, meminta dan memeriksa mana-mana rekod dan boleh menjalankan mana-mana kuasa di bawah subseksyen (2) seksyen 49 atau memberi apa-apa arahan yang perlu di sisi keadilan.

(2) Apabila Mahkamah Tinggi Syariah meminta rekod di bawah subsekyen (1), semua prosiding dalam Mahkamah Rendah Syariah mengenai perkara atau prosiding yang menjadi soal itu hendaklah digantung sementara menanti arahan seterusnya daripada Mahkamah Tinggi Syariah.

**53.** (1) Mahkamah Rayuan Syariah hendaklah mempunyai bidangkuasa mendengar dan memutuskan sesuatu rayuan terhadap sesuatu keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi Syariah dalam menjalankan bidangkuasa asalnya.

Bidangkuasa  
Mahkamah  
Rayuan  
Syariah.

(2) Apabila sesuatu rayuan daripada sesuatu keputusan Mahkamah Rendah Syariah telahpun diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah boleh atas permohonan daripada mana-mana pihak memberi kebenaran untuk membuat keputusan mengenai apa-apa persoalan undang-undang yang menjadi kepentingan awam yang telah timbul dalam masa rayuan dan yang keputusannya oleh Mahkamah Tinggi Syariah telah menyentuh keputusan rayuan.

(3) Apabila kebenaran telah diberi oleh Mahkamah Rayuan Syariah ia hendaklah mendengar dan memutuskan persoalan yang dibenarkan untuk dirujukkan bagi keputusannya itu dan membuat apa-apa perintah yang Mahkamah Tinggi Syariah sepatutnya membuat, sebagaimana yang difikirkannya adil bagi menyelesaikan rayuan itu.

**54.** (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan, atas nasihat Majlis yang hendaklah terlebih dahulu berunding dengan Ketua Hakim Syarie, hendaklah melantik setiap tahun tidak lebih daripada tujuh orang lelaki Islam yang difikirkan patut dan wajar oleh Baginda untuk menjadi panel ahli yang tersedia Mahkamah Rayuan Syariah dan perlantikan itu hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

Perlantikan dan  
keanggotaan  
Mahkamah  
Rayuan Syariah.

(2) Sesuatu rayuan dalam Mahkamah Rayuan Syariah hendaklah didengar dan diselesaikan oleh seorang Pengerusi dan dua orang Hakim Mahkamah Rayuan Syariah sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Hakim Syarie.

(3) Ketua Hakim Syarie hendaklah menjadi Pengerusi setiap prosiding Mahkamah Rayuan Syariah dan hendaklah memilih bagi setiap prosiding dua orang di antara panel ahli yang tersedia untuk menjadi kuorum Mahkamah Rayuan Syariah dan ketiga-tiga orang yang menjadi kuorum itu hendaklah disifatkan sebagai Hakim Mahkamah Rayuan Syariah bagi maksud Enakmen ini.

(4) Jika oleh kerana apa jua sebab Ketua Hakim Syarie tidak berkeupayaan mempengerusikan Mahkamah Rayuan Syariah, dia hendaklah memaklumkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan yang hendaklah melantik seorang di antara panel ahli yang tersedia untuk mempengerusikan Mahkamah itu.

(5) Jika oleh kerana apa jua sebab seseorang Hakim Mahkamah Rayuan Syariah yang dipilih di bawah subseksyen (3) tidak berkeupayaan menjalankan tugasnya, dia hendaklah memaklumkan kepada Ketua Hakim Syarie yang hendaklah memilih seorang di antara panel ahli yang tersedia untuk menggantikan Hakim Mahkamah Rayuan Syariah itu.

**55.** Rayuan hendaklah diputuskan menurut pendapat majoriti Mahkamah Rayuan Syariah.

Keputusan  
majoriti.

**56.** (1) Jika semasa suatu prosiding dalam sesuatu rayuan atau pada bila-bila masa sebelum disampaikan hukuman, seseorang Hakim Mahkamah Rayuan Syariah yang mendengar prosiding

Penerusan  
prosiding dalam  
Mahkamah  
Rayuan Syariah  
walaupun

itu tidak berkeupayaan hadir dan menyelesaikan prosiding itu disebabkan sakit atau sebab-sebab lain, atau tidak berkeupayaan untuk menjalankan tugasnya sebagai Hakim Mahkamah itu, perbicaraan atau prosiding itu hendaklah, jika kedua-dua pihak bersetuju, diteruskan dan keputusan atau keputusan yang ditangguh, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah diberi oleh dua orang Hakim yang ada itu, dan Mahkamah itu hendaklah bagi maksud rayuan disifatkan sebagai telah sepenuhnya dianggotai walaupun dengan ketidakhadiran atau ketidakupayaan salah seorang daripada Hakim.

ketiadaan  
Hakim.

(2) Dalam mana-mana kes seperti yang disebut dalam subseksyen (1), rayuan hendaklah diputuskan oleh Hakim-hakim yang ada itu dan jika tiada keputusan sebulat suara, rayuan hendaklah didengar semula.

(3) Jika di bawah subseksyen (1) kedua-dua pihak tiada memberi persetujuan, atau lebih daripada seorang Hakim tidak berkeupayaan disebabkan sakit atau sebab-sebab lain untuk menghadiri dan menyelesaikan prosiding atau tidak berkeupayaan untuk menjalankan tugasnya sebagai Hakim Mahkamah itu, rayuan itu hendaklah didengar semula.

**57.** (1) Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah hendaklah mempunyai dan menggunakan mohor atau cap yang diluluskan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan.

Mohor  
Mahkamah  
Syariah.

(2) Segala dokumen yang dikeluarkan oleh mana-mana Mahkamah Syariah hendaklah dicap dengan mohor atau cap Mahkamah Syariah itu dan ditandatangani oleh mana-mana pegawai berkenaan yang disebut dalam subseksyen (1) seksyen 46.

**58.** (1) Bahasa dalam Mahkamah Syariah hendaklah Bahasa Kebangsaan.

Bahasa  
Mahkamah  
Syariah.

(2) Segala dokumen dan nota prosiding boleh ditulis, ditaip atau dicetak dengan tulisan rumi dan jawi.

**59.** Mahkamah Syariah hendaklah menyimpan dan

Rekod  
Mahkamah

menyenggara rekod yang lengkap dan sempurna mengenai semua prosiding di dalamnya dan akaun yang lengkap dan sempurna mengenai semua transaksi kewangannya dan hendaklah diakaunkan semua wang yang diterima menurut prosedur yang ditetapkan oleh Majlis.

**60.** (1) Jika Mahkamah Syariah atau hakimnya mengeluarkan saman di bawah peruntukan mana-mana undang-undang yang berkuatkuasa dalam mana-mana satu daripada negeri yang dinyatakan dalam Jadual Kedua memanggil mana-mana orang supaya hadir di mana-mana Mahkamah Syariah dalam negeri itu dan orang itu berada atau dipercayai berada dalam Negeri Pahang, maka Hakim Mahkamah Syariah dalam Negeri Pahang boleh mengesahkan saman itu dengan menandatanganinya dan saman itu boleh disampaikan kepada orang itu seolah-olah saman itu telah dikeluarkan oleh mana-mana Mahkamah Syariah dalam Negeri Pahang menurut peruntukan-peruntukan Enakmen ini.

Syariah.  
Peraturan bersaing dengan negeri-negeri lain.

(2) Jika Mahkamah Syariah atau hakimnya dalam Negeri Pahang mengeluarkan saman memanggil mana-mana orang supaya hadir di Mahkamah Syariah itu dan orang itu berada atau dipercayai dalam mana-mana negeri yang dinyatakan dalam Jadual Kedua dan saman itu telah disampaikan kepada orang itu menurut peruntukan mana-mana undang-undang yang berkuatkuasa di negeri itu, maka saman itu hendaklah bagi maksud Enakmen ini disifatkan sebagai telah disampaikan dengan sah seolah-olah penyampaian itu telah disempurnakan dalam Negeri Pahang.

(3) Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menambah kepada, memotong daripada atau meminda Jadual Kedua.

**61.** Semua perbicaraan dalam Mahkamah Syariah hendaklah terbuka kepada orang ramai:

Mahkamah Syariah terbuka kepada orang ramai

Dengan syarat bahawa Mahkamah Syariah boleh memerintahkan keseluruhan atau mana-mana bahagian perbicaraan itu diadakan dalam mahkamah tertutup jika

Mahkamah Syariah itu berpuas hati bahawa adalah demi kepentingan keadilan atau kesopanan untuk berbuat demikian.

**62.** (1) Maka tidaklah menjadi kesalahan bagi apa-apa tindakan yang dilakukan secara kehakiman oleh Ketua Hakim Syarie, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah dan Hakim Mahkamah Rendah Syariah pada menjalankan apa-apa kuasa yang, atau yang dengan suci hati dipercayainya sebagai, telah diberikan kepadanya oleh undang-undang.

Perlindungan pegawai kehakiman.

(2) Ketua Hakim Syarie, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Hakim Mahkamah Rendah Syariah atau orang lain yang bertindak secara kehakiman tidak boleh didakwa dalam mana-mana Mahkamah Syariah atau mahkamah sivil mengenai apa-apa tindakan yang dilakukannya atau diperintahkan olehnya supaya dilakukan pada melaksanakan tugas kehakimannya, sama ada dalam had bidangkuasanya ataupun tidak, dan juga tiada perintah mengenai kos boleh dibuat terhadapnya, dengan syarat bahawa dia pada masa itu dengan suci hati mempercayai bahawa dirinya mempunyai bidangkuasa untuk melakukan atau memerintahkan supaya dilakukan tindakan itu.

(3) Tiada seorangpun pegawai Mahkamah Syariah atau orang lain yang berkewajipan melaksanakan waran atau perintah sah Ketua Hakim Syarie, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Hakim Mahkamah Rendah Syariah atau orang lain yang bertindak secara kehakiman boleh didakwa dalam mana-mana Mahkamah Syariah atau mahkamah sivil mengenai perlaksanaan apa-apa waran atau perintah yang dia berkewajipan melaksanakannya.

**63.** Bagi maksud menyelesaikan kes-kes dan perkara-perkara yang masih dalam pertimbangan Mahkamah Syariah dan masih belum diselesaikan pada masa mula berkuatkuasa Enakmen ini, peruntukan-peruntukan mengenai prosedur dalam Enakmen ini hendaklah dipakai setakat mana yang boleh melainkan jika pemakaianya menyebabkan ketidakadilan.

Peruntukan peralihan ke atas kes-kes dalam perimbangan.

**64.** Tiada suatupun keputusan Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah boleh menjelaskan atau melibatkan hak, kepentingan atau harta seseorang bukan Islam.

Mengeluarkan orang bukan Islam daripada bidangkuasa

## BAHAGIAN IV

### PENDAKWAAN DAN PERWAKILAN

**65.** (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan hendaklah atas nasihat Majlis melantik seorang yang berkelayakan menjadi Hakim Mahkamah Tinggi Syariah menjadi Ketua Pendakwa Syarie.

Pendakwa Syarie dan Pegawai Penguatkuasa Agama.

(2) Ketua Pendakwa Syarie hendaklah mempunyai kuasa yang boleh dijalankan mengikut budibicaranya untuk mendakwa, menjalankan atau tidak meneruskan mana-mana prosiding bagi kesalahan di dalam Mahkamah Syariah.

(3) Majlis boleh melantik orang-orang yang sesuai dan layak dari kalangan anggota Perkhidmatan Pegawai Syariah Negeri Pahang atau Perkhidmatan Awam menjadi Timbalan Pendakwa Syarie yang akan bertindak di bawah kawalan dan arahan am Ketua Pendakwa Syarie dan boleh menjalankan semua atau mana-mana hak dan kuasa yang diberikan kepada atau yang boleh dijalankan oleh Ketua Pendakwa Syarie di bawah mana-mana undang-undang bertulis kecuali mana-mana hak atau kuasa yang diperuntukkan dengan nyata sebagai mestи dijalankan oleh Ketua Pendakwa Syarie sendiri.

(4) Majlis boleh melantik Pegawai Penguatkuasa Agama untuk membantu dalam penyiasatan kesalahan-kesalahan di bawah Enakmen ini atau di bawah mana-mana undang-undang lain yang berkaitan dengan kesalahan-kesalahan Syariah.

**66.** (1) Majlis boleh melantik mana-mana pegawai undang-undang Kerajaan Persekutuan beragama Islam dan mana-mana peguambela dan peguamcara beragama Islam yang memiliki sijil sah yang dikeluarkan di bawah Akta Profesion Undang-Undang 1976, atau mana-mana orang yang berkelayakan menjadi Peguam Syarie untuk hadir dan mewakili mana-mana pihak dalam mana-mana Mahkamah Syariah

Peguam Syarie.

Akta 166

(2) Kelayakan bagi perlantikan sebagai Peguam Syarie hendaklah ditetapkan oleh peraturan yang dibuat oleh Majlis.

(3) Peraturan tersebut boleh memperuntukkan bahawa tiap-tiap orang yang dilantik menjadi Peguam Syarie hendaklah memiliki sijil yang dikeluarkan oleh Majlis dan ditandatangani oleh Yang Dipertua setelah dibayar fee yang ditetapkan. Sijil tersebut hendaklah dipanggil Sijil Peguam Syarie.

(4) Majlis boleh pada bila-bila masa membatalkan Sijil Peguam Syarie yang dikeluarkan di bawah subseksyen (3).

(5) Majlis boleh mengecualikan mana-mana pegawai undang-undang Kerajaan Persekutuan daripada memiliki Sijil Peguam Syarie untuk hadir dan mewakili mana-mana pihak dalam mana-mana Mahkamah Syariah.

## BAHAGIAN V

### KEWANGAN

**67.** (1) Satu Kumpulan Wang yang akan dinamakan Kumpulan Wang Khairat Am adalah dengan ini ditubuhkan. Melainkan sebagaimana diperuntukkan selainnya dalam Enakmen ini, Kumpulan Wang itu hendaklah mengandungi semua wang dan harta, alih dan tak alih, yang didermakan, dibayar atau kena dibayar kepada Kumpulan Wang itu oleh mana-mana orang mengikut Hukum Syarak atau Enakmen ini.

Penubuhan  
Kumpulan  
Wang Khairat  
Am.

(2) Semua zakat dan fitrah yang dipungut mengikut Bahagian ini hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang itu tetapi hendaklah diakaunkan dalam akaun yang berasingan.

(3) Semua wang dan harta dalam Kumpulan Wang itu hendaklah terletak hak pada Majlis yang hendaklah mentadbirkan semua wang dan harta itu mengikut Enakmen ini:

Dengan syarat bahawa mana-mana pelaburan aset dan kumpulan wang yang diletak hak pada Majlis boleh dijual, dihasilkan, digadai atau dihapuskan, dan hasil daripadanya

boleh dilaburkan dari masa ke masa dalam mana-mana pelaburan yang dibenarkan oleh mana-mana undang-undang bertulis yang pada masa itu berkuatkuasa bagi pelaburan kumpulan wang amanah atau dalam mana-mana pelaburan yang ditetapkan oleh Majlis di bawah subseksyen (4) seksyen 5.

**68.** Kerajaan boleh dari masa ke masa menyumbang kepada Kumpulan Wang Khairat Am mengikut amaun yang difikirkannya wajar.

Sumbangan  
dariapda  
Kerajaan  
Negeri.

**69.** Kumpulan wang yang dikenali sebagai “Kumpulanwang Khairat Am” di bawah Enakmen 1982 hendaklah dianggap sebagai Kumpulan Wang Khairat Am di bawah Enakmen ini.

Kumpulanwang  
Khairat Am di  
bawah Enakmen  
1982.

**70.** Walau apapun peruntukan yang berlawanan yang terkandung dalam mana-mana suratcara atau perisyntiharanyang mewujudkan, mengawal atau melibatkan perkara itu, Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah yang tunggal bagi semua wakaf sama ada wakaf am atau wakaf khas, semua nazar am, dan semua amanah daripada segala perihal yang mewujudkan apa-apa amanah khairat bagi menyokong dan memajukan agama Islam atau bagi faedah orang-orang Islam mengikut Hukum Syarak, setakat yang mengenai harta yang terlibat itu dan yang terletak di dalam Negeri Pahang dan, jika pembuat penyelesaian harta itu atau orang-orang lain yang mewujudkan amanah, wakaf dan nazar am itu berdomisil di Negeri Pahang, setakat yang mengenai harta yang terlibat olehnya itu di mana jua harta itu terletak.

Wakaf dan  
nazar.

**71.** (1) Semua harta yang pada mula berkuatkuasa Enakmen ini adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan seksyen 70 hendaklah, jika terletak dalam Negeri Pahang, terletak hak pada Majlis.

Perletakan hak.

(2) Harta tak alih yang terletak hak menurut subseksyen (1) boleh direkodkan atau didaftarkan atas nama Majlis setelah dibuktikan dengan memuaskan hati Pentadbir Tanah Daerah bahawa harta tak alih itu adalah sedemikian terletak hak dan Pentadbir Tanah Daerah boleh, tertakluk kepada pengesahan dan pengakuannya, menerima sebagai keterangan senarai harta

tak alih yang terletak hak sedemikian itu yang dikemukakan oleh Yang Dipertua.

(3) Semua tanah yang selepas mula berkuatkuasa Enakmen ini menjadi tertakluk kepada peruntukan-peruntukan seksyen 70 boleh direkodkan dan didaftarkan atas nama Majlis setelah dikemukakan kepada Pentadbir Tanah Daerah memorandum pindah milik yang disempurnakan oleh pihak-pihak yang berkenaan atau setelah difailkan dengan Pentadbir Tanah Daerah perintah Mahkamah Tinggi Syariah atau mahkamah sivil atau Pentadbir Tanah Daerah dalam guaman probet, pentadbiran atau pembahagian.

(4) Majlis hendaklah mengambil segala langkah yang perlu untuk meletak hak padanya bagi tujuan yang sama mana-mana harta sedemikian yang terletak di luar Negeri Pahang.

**72.** (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan subseksyen (2) dan (3), harta dan aset modal yang terlibat dengan sesuatu wakaf atau nazar am yang sah tidak boleh menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Khairat Am tetapi hendaklah digunakan menurut wakaf dan nazar am itu dan dikendalikan sebagai kumpulan wang berasingan.

Modal wakaf  
dan nazar am.

(2) Jika disebabkan oleh tamat tempoh atau perubahan hal-keadaan adalah tidak mungkin lagi dikuatkuasakan secara berfaedah wakaf atau nazar am itu, maka Majlis hendaklah menyediakan suatu skim mengenai penggunaan harta dan aset yang terlibat itu mengikut cara yang seberapa hampir yang boleh dengan terma-terma wakaf atau nazar am itu:

Dengan syarat bahawa Majlis boleh dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan mengarahkan supaya harta dan aset itu dimasukkan ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Khairat Am.

(3) Jika terma sesuatu wakaf dan nazar am tidak menentukan cara penggunaan harta dan aset yang terlibat itu atau jika tidak dapat ditentukan cara mana harta dan aset itu patut digunakan, Majlis boleh mengarahkan supaya harta dan aset modal itu dimasukkan ke dalam dan menjadi sebahagian

daripada Kumpulan Wang Khairat Am.

(4) Semua suratcara yang mewujudkan, membuktikan atau melibatkan mana-mana wakaf atau nazar am beserta dengan dokumen hakmilik atau sekuriti-sekuriti lain berkaitan dengannya hendaklah dipegang dan disimpan oleh Majlis.

**73.** (1) Sama ada atau tidak dibuat secara wasiat atau pemberian semasa hampir maut (maradhul maut) tiada wakaf atau nazar yang dibuat selepas mula berkuatkuasa Enakmen ini dan melibatkan lebih daripada satu pertiga daripada harta orang yang membuatnya boleh menjadi sah berkenaan dengan bahagian yang melebihi satu pertiga itu.

Sekatan-sekatan  
ke atas  
pengwujudan  
amanah khairat.

(2) Tiap-tiap wakaf khas atau nazar yang dibuat selepas mula berkuatkuasa Enakmen ini adalah batal dan tak sah melainkan jika--

(a) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan atas nasihat Majlis telah dengan nyata memperkenankan dan mengesahkannya; atau

(b) Wakaf khas atau nazar itu telah dibuat semasa pembuatnya sakit tenat dan kemudian meninggal dunia akibat sakit itu dan ia telah dibuat secara bertulis melalui suratcara yang disempurnakan olehnya dan disaksikan oleh dua orang Islam dewasa yang tinggal di kariah masjid yang sama dengan pembuat itu.

(3) Seksyen ini tidak boleh berkuatkuasa untuk menjadikan sah mana-mana wasiat, pemberian semasa hampir maut (maradhul maut), wakaf atau nazar yang adalah tak sah di bawah peruntukan-peruntukan Hukum Syarak.

**74.** (1) Pendapatan daripada sesuatu wakaf khas, jika diterima oleh Majlis, hendaklah digunakan olehnya mengikut peruntukan-peruntukan yang sah wakaf khas itu.

Pendapatan  
daripada wakaf  
dan nazar.

(2) Pendapatan daripada tiap-tiap wakaf lain dan tiap-tiap nazar am hendaklah dibayar kepada dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Khairat Am.

**75.** Jika pada pendapat Majlis makna atau efek mana-mana sucatcara atau pengisytiharan yang mewujudkan atau melibatkan sesuatu wakaf atau nazar am adalah samar-samar atau tidak berketentuan, Majlis boleh mempertimbangkannya dan bertindak mengikut keputusannya melainkan jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan menitahkan selainnya.

Pengertian suratcara.

**76.** Majlis hendaklah menyimpan akaun yang lengkap dan betul mengenai Kumpulan Wang Khairat Am dan hendaklah seberapa segera yang boleh selepas 31 haribulan Disember setiap tahun, mengeluarkan dan menyiarkan dalam *Warta* suatu penyata berkenaan dengan aktiviti-aktiviti Majlis dalam tahun yang lepas bersama-sama dengan kunci kira-kira Kumpulan Wang itu sebagaimana pada 31 Disember, akaun pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun itu dan senarai harta dan pelaburan Kumpulan Wang itu yang menunjukkan harga-harganya, jika dibeli, dan anggaran nilai pada 31 haribulan Disember.

Penyata tahunan.

**77.** Kunci kira-kira tahunan, akaun pendapatan dan perbelanjaan dan senarai pelaburan tahunan yang tersebut itu hendaklah sebelum dikeluarkan diperiksa dan disahkan oleh Ketua Audit Negara dan suatu salinan sijil audit hendaklah disertakan pada semua salinan penyata dan akaun yang dikeluarkan itu.

Audit.

**78.** Dengan seberapa segera yang boleh selepas 31 haribulan Disember setiap tahun, Majlis hendaklah menyediakan, mengeluarkan dan menyiarkan dalam *Warta* satu senarai yang telah diaudit semua harta, pelaburan dan aset yang terletak hak pada Majlis tertakluk kepada mana-mana amanah, wakaf atau nazar, dan yang tidak menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Khairat Am.

Harta wakaf dan nazar.

**79.** (1) Majlis hendaklah menyediakan dan menyerahkan kepada Pihak Berkuasa Negeri tidak lewat daripada 31 haribulan Oktober setiap tahun anggaran kesemua pendapatan

Anggaran.

dan perbelanjaan Majlis termasuk di dalamnya anggaran segala harta yang boleh diterima dan boleh dilupuskan dalam tahun yang berikutnya dan Pihak Berkuasa Negeri boleh meluluskan anggaran itu atau boleh mengarahkan supaya ia dipinda dan apabila telah diluluskan atau dipinda sedemikian, anggaran tersebut hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

(2) Majlis boleh pada bila-bila masa menyerahkan kepada Pihak Berkuasa Negeri anggaran perbelanjaan tambahan berkenaan dengan tahun semasa, atau, pada bila-bila masa sebelum daripada 31 haribulan Mac dalam mana-mana tahun, berkenaan dengan tahun yang lalu, dan tambahan itu boleh diluluskan atau dipinda dan hendaklah disiarkan, mengikut cara yang sama.

(3) Tiada wang boleh dibelanjakan atau harta dilupuskan kecuali mengikut anggaran seperti yang disebut terdahulu itu dan atas baucar yang ditandatangani oleh Yang Dipertua atau pegawai Majlis yang diberikuasa oleh Yang Dipertua.

**80.** Semua kos, caj dan perbelanjaan mentadbir harta dan aset yang terletak hak pada Majlis, termasuk kos penyenggaraan dan pembaikan mana-mana harta tak alih, pembelian harta alih dan tak alih, gaji dan elaun semua pengkhidmat Majlis dan fee dan elaun yang kena dibayar kepada mana-mana pegawai atau ahli Majlis atau mana-mana orang lain berkenaan dengan perkhidmatannya sedemikian, hendaklah dibayar daripada Kumpulan Wang Khairat Am.

Perbelanjaan  
Majlis.

**81.** (1) Majlis hendaklah melantik mana-mana banker yang sesuai dan boleh mengendalikan apa-apa akaun yang difikirkan patut.

Banker

(2) Pembayaran-pembayaran oleh Majlis untuk amaun yang melebihi lima puluh ringgit hendaklah dibuat melalui cek dan semua wang yang diterima oleh atau untuk Majlis hendaklah dibayar ke dalam suatu akaun bank Majlis mengikut cara yang diperuntukkan dalam Arahan Perbendaharaan.

(3) Cek-cek yang dikeluarkan daripada mana-mana akaun bank Majlis hendaklah ditandatangani oleh Yang Dipertua atau

oleh mana-mana ahli Majlis yang diberikuasa oleh Yang Dipertua dan oleh Setiausaha.

**82.** Majlis hendaklah mempunyai kuasa dan hendaklah berkewajipan memungut semua zakat dan fitrah yang dikenakan dibayar dalam Negeri Pahang menurut Hukum Syarak.

Kuasa Majlis  
memungut zakat  
dan fitrah.

**83.** Majlis, dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan, boleh menetapkan dari masa ke masa amaun zakat dan fitrah yang dikehendaki dibayar oleh semua orang Islam dalam Negeri Pahang.

Kuasa  
menetapkan  
zakat dan fitrah.

**84.** Majlis, dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan, boleh membuat kaedah-kaedah untuk mengawalselia semua perkara berhubung dengan pemungutan, pentadbiran dan pembahagian zakat dan fitrah.

Kaedah.

**85.** (1) Seseorang boleh membuat bantahan kepada Majlis terhadap sesuatu tuntutan baginya membayar zakat dan fitrah. Majlis hendaklah menimbangkan bantahan itu dan boleh memerintahkan supaya orang itu membayar amaun zakat dan fitrah yang dituntut daripadanya, atau suatu amaun yang lebih rendah sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majlis atau boleh memerintahkan bahawa orang itu tidak bertanggungan untuk membayar zakat atau fitrah atau kedua-duanya dalam semua tahun atau beberapa tahun.

Bantahan.

(2) Keputusan Majlis terhadap bantahan itu hendaklah muktamad dan tidak boleh disoal di dalam mana-mana Mahkamah Syariah atau mahkamah sivil.

**86.** (1) Majlis boleh memungut atau mengeluarkan surat kebenaran dengan terma-terma yang difikirkannya patut kepada mana-mana orang atau kumpulan orang, membernarkan orang atau kumpulan orang itu memungut wang atau apa-apa sumbangan lain untuk tujuan khairat bagi membantu dan memajukan agama Islam atau bagi faedah orang-orang Islam mengikut Hukum Syarak.

Pungutan  
khairat

(2) Maka hendaklah disifatkan sebagai suatu terma tiap-tiap surat kebenaran itu bahawa orang yang menerima surat kebenaran itu dan tiap-tiap orang lain yang dibenarkan melalui surat kebenaran itu untuk memungut wang atau apa-apa sumbangan lain hendaklah—

- (a) Mengeluarkan berkenaan dengan tiap-tiap jumlah wang yang dipungut sedemikian suatu resit mengikut nombor siri dalam borang yang ditetapkan;
- (b) Menyimpan akaun yang lengkap dan benar mengenai semua wang dipungut sedemikian dan mengenai pelupusannya dengan disokong oleh baucar yang sepatutnya;
- (c) Mengemukakan apabila diminta potongan resit dan semua akaun dan baucar itu bagi pemeriksaan dan pengauditan oleh Majlis; dan
- (d) Menggunakan dan melupuskan semua wang yang dipungut sedemikian mengikut terma-terma surat kebenaran itu atau, jika tiada cara melupuskan wang itu dibenarkan dengan nyata olehnya, membayar dan mengakaunkannya kepada Kumpulan Wang Khairat Am.

(3) Wang yang dipungut menurut seksyen ini boleh digunakan bagi apa-apa maksud yang diarahkan oleh Majlis, tetapi jika tiada arahan sedemikian, wang itu hendaklah dimasukkan dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Khairat Am.

(4) Tiada seorangpun boleh membuat pungutan atau mengambil bahagian dalam pungutan wang bagi apa-apa maksud seperti yang disebut dalam subseksyen (1) kecuali dengan kuasa nyata daripada Majlis atau menurut kuasa surat kebenaran di bawah subseksyen itu.

(5) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana daripada peruntukan seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan hendaklah dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau kedua-duanya dan Mahkamah Syariah boleh memerintahkan wang dan harta yang

dikumpulkan itu diserahkan kepada Majlis.

**87.** Melainkan diperuntukkan selainnya dalam Enakmen ini, semua fee yang dibayar kepada Mahkamah Syariah, denda dan penyitaan yang dipungut atau dikenakan oleh Enakmen ini atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya hendaklah dibayar kepada Perbendaharaan Negeri untuk faedah Negeri Pahang.

Fee  
Mahkamah  
Syariah, denda  
dan penyitaan.

## BAHAGIAN VI

### MASJID

**88.** Walau apapun peruntukan yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis, Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah bagi semua masjid di dalam Negeri Pahang dan setiap masjid bersama-sama dengan tanahnya, dan mana-mana tanah serta apa-apa harta tak alih di atasnya yang berhubungan dengan dan digunakan bagi faedah masjid, selain dari pada tanah Kerajaan atau tanah rizab bagi maksud awam, hendaklah sebaik sahaja didaftarkan di bawah Kanun Tanah Negara dan tanpa apa-apa pindah hak, penyerahan hak atau pindah milik, terletak hak pada Majlis bagi maksud Enakmen ini.

Pemegangan  
amanah masjid  
dan tanah yang  
berkaitan.

Akta 56/65.

**89.** (1) Tiada seorangpun boleh tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis, mendirikan apa-apa bangunan untuk digunakan sebagai masjid atau menjadikan atau secara lain menggunakan mana-mana bangunan untuk tujuan masjid, atau menyebabkan atau membenarkan mana-mana bangunan digunakan sebagai masjid.

Sekatan  
membina masjid

(2) Majlis tidak boleh memberi kebenaran di bawah subseksyen (1), kecuali tapak bangunan bagi masjid yang dicadangkan itu telah dijadikan wakaf kekal.

**90.** (1) Majlis hendaklah mempastikan bahawa semua masjid dalam Negeri Pahang dijaga dalam keadaan baik dan kawasannya dijaga dalam keadaan bersih, dan Majlis boleh mengadakan dan menggunakan, atau membenarkan supaya diadakan dan digunakan, kumpulan wang khusus bagi maksud memperbaiki atau menyenggara, atau boleh membayar belanja pembaikan dan penyelenggaraan itu daripada kumpulan wang itu.

Penjagaan  
masjid dan  
kawasan.

(2) Imam hendaklah memberitahu Majlis dengan segera apabila berlaku keadaan yang memerlukan pembaikan segera

terhadap masjid di bawah jagaannya dan hendaklah memeriksa dan mengawasi pemberian itu sebagai ejen untuk dan bagi pihak Majlis.

(3) Tiada ubahsuaihan kepada bentuk masjid boleh dibuat tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis.

(4) Majlis boleh mengarahkan sesuatu Jawatankuasa Kariah menjaga masjid di bawah tanggungjawabnya supaya berada dalam keadaan baik.

**91.** (1) Majlis boleh pada bila-bila masa menetapkan, meminda atau mengubah sempadan mana-mana kariah masjid.

Sempadan  
kariah masjid.

(2) setiap sempadan yang ditetapkan, dipinda atau diubah hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

**92.** Majlis boleh dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan atas sebab yang munasabah menutup atau merobohkan mana-mana masjid dan boleh, jika suatu masjid telah dirobohkan dan tiada tujuan untuk membina yang lain atas tapak yang sama atau tiada tujuan untuk menggunakan tapak itu bagi maksud keagamaan yang lain, memajakkan, mencagarkan atau menggunakan tapak itu mengikut apa-apa cara yang dibenarkan oleh Hukum Syarak, tetapi pendapatan yang diperolehi daripadanya hendaklah disimpan untuk digunakan bagi mendirikan, menyenggara atau memperbaiki masjid, dan bukan tujuan lain.

Menutup atau  
merobohkan  
masjid.

**93.** (1) Bagi setiap masjid dalam Negeri Pahang maka bolehlah dilantik seorang Imam, Khatib, Bilal dan Siak.

Perlantikan  
Pegawai  
Masjid.

(2) Imam, Khatib, Bilal dan Siak hendaklah disifatkan sebagai pengkhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan.

(3) Imam, Khatib dan Bilal hendaklah dilantik oleh Majlis dari kalangan orang-orang yang difikirkan layak oleh Majlis.

(4) Apabila berkuasauasa seksyen ini tiap-tiap orang yang menjadi Imam, Khatib, Bilal dan Siak sebelum sahaja berkuatkuasa seksyen ini yang dilantik di bawah Enakmen 1982, hendaklah disifatkan sebagai telah dilantik di bawah seksyen ini sebagai Imam, Khatib, Bilal dan Siak masjid itu dan hendaklah, tertakluk kepada seksyen 96, terus memegang jawatan itu.

(5) Majlis hendaklah menyimpan satu daftar Pegawai Masjid bagi tiap-tiap satu masjid dalam Negeri Pahang dan adalah menjadi kewajipan Imam untuk memberitahu Majlis dengan segera akan apa-apa kekosongan atau perubahan butir-butir mengenai masjidnya.

**94. Pegawai Masjid yang dilantik di bawah seksyen 93 hendaklah—**

Kuasa dan tugas Pegawai Masjid

- (a) bertanggungjawab menjaga masjid mengikut cara dan peraturan yang sesuai untuknya dan menurut apa-apa arahan yang diberi oleh Majlis dan Jabatan Agama dari masa ke semasa;
- (b) tertakluk kepada perenggan (a) subseksyen (2) seksyen 98, bertanggungjawab menjaga tanah perkuburan dalam kariah masjidnya;
- (c) dengan segera memberitahu Majlis mengenai segala perkara yang berlaku dalam kariahnya yang menghendaki perhatian Majlis, terutamanya mengenai agama Islam;
- (d) mempunyai kuasa menghalang mana-mana orang yang hendak bersyarah dalam masjidnya tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis atau Jabatan Agama; dan
- (e) menjalankan apa-apa tugas atau kuasa lain sebagaimana ditetapkan oleh Majlis dalam tauliah masing-masing.

**95.** (1) Setiap orang yang dilantik menjadi Imam, Khatib, Bilal dan Siak termasuk setiap orang yang disifatkan sebagai telah dilantik di bawah subseksyen 4 seksyen 93 hendaklah diberi tauliah oleh Majlis.

Tauliah.

(2) Setiap Pegawai Masjid hendaklah mempunyai kuasa dan tugas sebagaimana ditetapkan dalam tauliah mereka masing-masing.

**96.** (1) Setiap Pegawai Masjid hendaklah memegang jawatan selama yang dikehendaki oleh Majlis dan Majlis boleh

menamatkan perkhidmatan atau memecat seseorang Pegawai Masjid dengan memberi notis satu bulan tetapi tiada seorangpun Pegawai Masjid boleh menjawat jawatan itu apabila telah mencapai umur enam puluh tahun:

Dengan syarat bahawa Majlis boleh, jika difikirkan perlu, melantik seorang yang berumur lebih daripada enam puluh tahun memegang mana-mana jawatan Pegawai Masjid menurut syarat-syarat yang difikirkan patut.

(2) Adalah menjadi kewajipan Setiausaha membawa kepada pengetahuan Majlis kelakuan buruk mana-mana Pegawai Masjid, sama ada berkaitan dengan tugasnya atau selainnya dan Setiausaha hendaklah membuat apa-apa syor yang difikirkan sesuai.

**97.** Dalam perlaksanaan tugas mereka, Khatib, Bilal dan Siak hendaklah tertakluk kepada kawalan dan arahan Imam.

Kawalan dan  
arahan ke atas  
Pegawai Majid.

**98.** (1) Majlis boleh dengan kebenaran Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan membuat kaedah untuk—

- (a) Membentuk Jawatankuasa Kariah;
- (b) Memperuntukkan cara mana anggota-anggota Jawatankuasa Kariah itu dilantik; dan
- (c) Memperuntukkan kewajipan-kewajipan Jawatankuasa Kariah.

(2) Jawatankuasa Kariah, bersama-sama dengan Pegawai Masjid hendaklah—

- (a) bertanggungjawab bagi pentadbiran yang betul dan sempurna ke atas masjid dan tanah perkuburan Islam dalam kariahnya;
- (b) bertanggungjawab agar ahli kariah berkelakuan baik dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan agama Islam; dan
- (c) memberi laporan segera kepada Majlis mengenai semua perkara yang berlaku dalam kariah yang memerlukan perhatian Majlis.

**99.** Majlis boleh melalui pemberitahuan dalam *Warta* mengecualikan mana-mana masjid daripada semua atau mana-

Pengecualian.

mana peruntukan Bahagian ini.

## BAHAGIAN VII

### PEMELUKAN AGAMA ISLAM

**100.** Bagi maksud Bahagian ini, seseorang yang bukan beragama Islam boleh memeluk agama Islam jika ia telah mencapai umur lapan belas tahun dan sempurna akal.

Keupayaan  
memeluk  
agama  
Islam.

**101.** (1) Syarat yang berikut hendaklah dipatuhi bagi seseorang yang memeluk agama Islam—

Syarat  
memeluk  
agama  
Islam.

- (a) orang itu hendaklah mengucapkan dua Kalimah Syahadah dalam bahasa Arab;
- (b) pada masa mengucapkan dua Kalimah Syahadah itu, orang itu sedar bahawa kalimah itu bermakna “Aku naik saksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan aku naik saksi bahawa Nabi Muhammad ialah Pesuruh Allah”, dan
- (c) pengucapan itu mesti dibuat dengan kerelaan hati orang itu.

(2) Seseorang yang tiada boleh bercakap boleh, bagi maksud memenuhi kehendak perenggan (a) subseksyen (1), mengucapkan dua Kalimah Syahadah dengan cara isyarat yang menunjukkan makna yang terkandung dalam perenggan (b) subseksyen itu.

Sempurnanya  
pemelukan.

**102.** Dengan syarat bahawa kehendak-kehendak seksyen 100 dan seksyen 101 telah dipenuhi, seseorang itu telah memeluk agama Islam dan menjadi seorang Islam sebaik-baik sahaja dia habis mengucap dua Kalimah Syahadah dan orang tersebut hendaklah dirujuk sebagai muallaf.

**103.** Jika pada saat dia memeluk agama Islam, seseorang muallaf sama ada lelaki atau perempuan, ada mempunyai anak yang belum mencapai umur lapan belas tahun, dan anak itu telah diperintahkan oleh mahkamah, selain daripada Mahkamah Syariah, supaya diletakkan di bawah penjagaan muallaf itu, dan muallaf itu menetapkan supaya anak itu memeluk agama Islam, maka anak tersebut adalah memeluk agama Islam pada masa penjagaan diberi.

Status  
anak-anak  
muallaf.

**104.** Dari saat dia memeluk agama Islam, seseorang muallaf, termasuk muallaf kanak-kanak, mempunyai hak dan kewajipan yang sama seperti orang Islam yang lain.

Hak dan  
kewajipan  
muallaf.

**105.** Majlis boleh melantik seseorang menjadi Pendaftar Muallaf untuk menyelenggarakan suatu Daftar Muallaf dalam borang yang ditetapkan.

Daftar  
Muallaf.

**106.** (1) Seseorang yang memeluk agama Islam boleh memohon kepada Pendaftar Muallaf dalam borang yang ditetapkan untuk pendaftaran pemelukannya ke agama Islam.

Pendaftaran  
pemelukan  
agama Islam.

(2) Jika Pendaftar Muallaf berpuas hati bahawa kehendak-kehendak seksyen 100 dan seksyen 101 telah dipenuhi oleh orang itu, Pendaftar Muallaf boleh mendaftarkan pemelukan ke agama Islam orang itu dalam Daftar Muallaf.

(3) Jika Pendaftar Muallaf berpuas hati bahawa seseorang muallaf telah diberi penjagaan di bawah seksyen 103 terhadap anak yang pada saat pemelukan muallaf itu ke agama Islam adalah berumur kurang daripada lapan belas tahun, Pendaftar muallaf hendaklah atas permohonan muallaf tersebut mendaftarkan juga pemelukan ke agama Islam anak itu dalam Daftar Muallaf.

(4) Pendaftar Muallaf hendaklah juga menentukan tarikh seseorang itu memeluk agama Islam dan mencatatkan tarikh itu di dalam Daftar Muallaf.

(5) Bagi maksud memuaskan hatinya akan hal dan tarikh pemelukan ke agama Islam, tentang adanya anak pemohon, dan umur anak itu dan butir-butir lain, Pendaftar Muallaf boleh membuat siasatan dan boleh mendapatkan keterangan sebagaimana yang difikirkannya mustahak, tetapi subseksyen ini tidak boleh dianggap sebagai penghalang Pendaftar Muallaf daripada bergantung hanya kepada kata-kata pemohon setakat yang mengenai hal pemelukannya dan tarikhnya.

(6) Jika Pendaftar Muallaf tidak berpuas hati bahawa kehendak seksyen 101 telah dipenuhi oleh pemohon bagi maksud memeluk agama Islam, dia boleh membenarkan pemohon mengucap dua Kalimah Syahadah di hadapannya atau

di hadapan mana-mana pegawainya mengikut kehendak seksyen tersebut.

**107.** (1) Pendaftar Muallaf hendaklah mengeluarkan kepada setiap orang yang pemelukannya ke agama Islam telah didaftarkan dalam Daftar Muallaf, suatu Sijil Pemelukan Agama Islam dalam borang yang ditetapkan.

Sijil  
Pemelukan  
Agama  
Islam.

(2) Sijil Pemelukan Agama Islam untuk kanak-kanak yang memeluk agama Islam hendaklah diberikan kepada ibu atau bapanya yang telah memeluk agama Islam atau jika kedua-dua ibu bapanya telah memeluk agama Islam, sijil tersebut hendaklah diserahkan kepada bapanya.

(3) Sijil Pemelukan Agama Islam hendaklah menjadi bukti muktamad akan hal yang terkandung di dalamnya.

**108.** (1) Seseorang yang pemelukannya ke agama Islam telah didaftarkan dalam Daftar Muallaf hendaklah bagi semua maksud, termasuklah bagi maksud mana-mana undang-undang Persekutuan atau undang-undang negeri dan pada setiap masa, diiktiraf sebagai seorang Islam.

Pengiktirafan  
muallaf  
sebagai  
orang  
Islam

(2) Seseorang yang pemelukannya ke agama Islam telah didaftarkan dalam Daftar Muallaf hendaklah bagi semua maksud, termasuklah bagi maksud mana-mana undang-undang Persekutuan atau undang-undang negeri dan pada setiap masa, diiktiraf sebagai seorang Islam.

**109.** Jika apa-apa soal timbul dalam Negeri Pahang sama ada seseorang yang tidak didaftarkan dalam Daftar Muallaf atau yang tidak didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang sesuatu negeri sebagai seorang yang baru memeluk agama Islam, soal itu hendaklah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Syariah menurut Hukum Syarak.

Menentukan  
sama ada orang  
yang tidak di-  
daftarkan  
seorang Islam.

**110.** Seseorang yang pada masa memohon untuk didaftarkan di bawah seksyen 106 atau sebagai jawapan kepada sesuatu permintaan untuk maklumat atau keterangan yang dibuat oleh Pendaftar Muallaf di bawah seksyen itu, dengan sengaja memberi kepada Pendaftar Muallaf apa-apa maklumat atau keterangan palsu atau yang mengelirukan adalah melakukan

Kesalahan  
memberi  
maklumat  
palsu.

suatu kesalahan dan apabila disabitkan hendaklah dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada enam bulan atau kedua-duanya.

**111.** Majlis boleh membuat kaedah-kaedah bagi menguatkuasakan peruntukan-peruntukan Bahagian ini.

Kuasa membuat kaedah.

### BAHAGIAN VIII PENDIDIKAN AGAMA

**112.** (1) Majlis hendaklah melantik suatu jawatankuasa dikenali sebagai Jawatankuasa Penasihat Pendidikan Agama untuk mengkaji semua aspek keperluan pendidikan agama Islam yang terdiri daripada—

Jawatankuasa Penasihat Pendidikan Agama.

- a) Mufti yang hendaklah menjadi Pengerusi; dan
- (b) Tidak kurang daripada tiga orang ahli lain yang dilantik oleh Majlis.

(2) Setiausaha Majlis hendaklah menjadi Setiausaha Jawatankuasa dan hendaklah bertanggungjawab bagi melaksanakan keputusan Jawatankuasa.

(3) Jawatankuasa hendaklah mempunyai kuasa mengeluarkan surat kebenaran bagi maksud mengajar mengenai apa-apa aspek agama Islam dan juga menarik balik surat kebenaran tersebut.

(4) Majlis boleh membuat ketetapan dan memberi arahan kepada Jawatankuasa berkenaan dengan—

- (a) Prosedur, keperluan, dan hal-hal lain berkaitan dengan pemberian surat kebenaran di bawah seksyen ini, termasuk fee yang ditetapkan;
- (b) Prosedur Jawatankuasa itu; dan
- (c) Elaun yang kena dibayar kepada ahli-ahli Jawatankuasa.

**113.** (1) Kawalan ke atas sekolah agama Islam bukan milik Kerajaan hendaklah terletak pada Majlis dan Majlis hendaklah mempunyai kuasa untuk mendaftar dan mengawal perjalanan

Sekolah agama Islam bukan milik Kerajaan.

sekolah itu dan meluluskan kurikulum sekolah itu.

(2) Majlis boleh mengarahkan mana-mana pegawainya memeriksa mana-mana sekolah agama Islam bukan milik Kerajaan bagi maksud memuaskan hatinya bahawa semua kehendak Majlis adalah dipatuhi.

(3) Majlis hendaklah mempunyai kuasa untuk memerintahkan mana-mana orang yang telah diambil bekerja atau akan diambil bekerja sebagai guru di mana-mana sekolah agama Islam bukan milik Kerajaan menjalani ujian yang diadakan oleh Jawatankuasa dan jika orang itu tidak berjaya lulus ujian tersebut, Majlis hendaklah mempunyai kuasa membatal atau menolak perlantikannya sebagai guru di sekolah itu.

(4) Majlis hendaklah mempunyai kuasa untuk memerintahkan supaya ditutup mana-mana sekolah agama Islam bukan milik Kerajaan yang Jawatankuasa anggap tidak memuaskan.

(5) Seseorang yang melanggar mana-mana peruntukan seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(6) Bagi maksud seksyen ini sekolah agama Islam bermaksud mana-mana sekolah, madrasah, pusat pengajian atau mana-mana tempat di mana pendidikan agama Islam diajar termasuklah pra-sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah dan pra-universiti.

**114.** Pemberian yang diberi oleh Kerajaan kepada sekolah agama Islam bukan milik Kerajaan hendaklah ditadbirkan mengikut cara yang ditetapkan oleh Majlis setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Mulia Sultan Pahang.

Pemberian  
daripada  
Kerajaan.

**115.** Majlis boleh mengecualikan mana-mana orang atau kelas orang daripada mana-mana peruntukan Bahagian ini.

Pengecualian.

## BAHAGIAN IX

**AM**

**116.** Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan atas nasihat Majlis boleh melalui pemberitahuan dalam *Warta* membuat kaedah-kaedah bagi maksud menjalan peruntukan Enakmen ini

dan khususnya, tanpa menyentuh keluasan makna peruntukan tersebut, kaedah-kaedah itu boleh memperuntukkan mengenai—

- (a) Prosedur Majlis, bentuk dan cara perlaksanaan suratcara Majlis, dan perlantikan pegawai dan pengkhidmat Majlis;
- (b) fee yang kena bayar berkenaan dengan apa-apa tindakan atau perkara yang dibuat mengikut Enakmen ini, dan cara memungut dan melupuskan fee itu;
- (c) perlantikan jawatankuasa Majlis dan kuasa, kewajipan dan prosedurnya;
- (d) elauan yang kena dibayar kepada ahli-ahli Majlis dan jawatankuasanya;
- (e) amalan dan prosedur Mahkamah Syariah;
- (f) borang, daftar, buku akaun, laporan, cara pengakaunan, anggaran belanjawan dan dokumen-dokumen lain yang digunakan berkaitan dengan tindakan atau perkara yang dibuat menurut Enakmen ini;
- (g) pemungutan, pentadbiran dan pembahagian semua harta Kumpulan Wang Khairat Am;
- (h) pentadbiran mana-mana kutipan khairat dan pelupusan hasilnya dan semua perkara, kesalahan dan penalti berkaitan dengannya;
- (i) pentadbiran mana-mana masjid atau surau atau tanah perkuburan dan semua perkara, kesalahan dan penalti berkaitan dengannya;
- (j) kuasa dan kewajipan Pegawai Masjid;
- (k) penetapan dan pengisytiharan sempadan kariah, kuasa dan kewajipan Jawatankuasa Kariah dan semua perkara, kesalahan dan penalti berkaitan dengannya;
- (l) pengawasan dan pengajaran muallaf, dan cara pendaftaran muallaf;

- (m) prosedur berkaitan dengan pengawasan pengajaran syarahan, kerja-kerja dakwah dan semua perkara, kesalahan dan penalti berkaitan dengannya;
- (n) pendaftaran dan pengawalan perjalanan tempat-tempat pengajaran agama dan sekolah-sekolah agama Islam;
- (o) perjalanan dan pentadbiran rumah kebajikan yang diluluskan oleh Majlis;
- (p) pengawasan dan kawalan anak-anak yatim dan kanak-kanak di bawah penjagaan Majlis;
- (q) pemungutan, perbelanjaan dan pelupusan apa-apa harta dan pelaburan Kumpulan Wang Khairat Am yang kena dibayar atau terletak hak pada Majlis; dan
- (r) perkara-perkara lain, kesalahan-kesalahan dan penalti-penalti bagi maksud melaksanakan Enakmen ini.

**117.** Semua kaedah, perisy蒂haran, perintah, notis, borang, surat kebenaran dan perlantikan yang dikeluarkan atau dibuat di bawah atau menurut kuasa mana-mana Bahagian Enakmen 1982 yang dimansuhkan oleh Enakmen ini hendaklah kekal berkuatkuasa, selagi ia tidak berlawanan dengan peruntukan Enakmen ini, sehingga dibatalkan atau digantikan oleh kaedah-kaedah, perisy蒂haran, perintah, notis, borang, surat kebenaran, atau perlantikan yang dikeluarkan atau dibuat di bawah Enakmen ini.

Pengecualian  
kaedah dan  
perlantikan.

**118.** (1) Apabila sahaja mula berkuatkuasa Enakmen ini, Mahkamah Kadi hendaklah dikenali sebagai Mahkamah Rendah Syariah dan hendaklah disifatkan sebagai Mahkamah Rendah Syariah yang ditubuhkan di bawah seksyen 42 Enakmen ini.

Pertukaran  
nama  
Mahkamah  
Kadi.

- (2) Orang-orang yang sebaik sahaja sebelum berkuatkuasa

Enakmen ini memegang jawatan Kadi hendaklah, tertakluk kepada Enakmen ini, disifatkan sebagai Hakim Mahkamah Rendah Syariah dan hendaklah mempunyai kuasa di bawah bidangkuasa Mahkamah itu sehingga perlantikan Hakim Mahkamah Rendah Syariah di bawah Enakmen ini dibuat.

**119.** (1) Apabila sahaja mula berkuatkuasa Enakmen ini, Mahkamah Kadi Besar hendaklah dikenali sebagai Mahkamah Tinggi Syariah dan hendaklah disifatkan sebagai Mahkamah Tinggi Syariah yang ditubuhkan di bawah seksyen 42 Enakmen ini.

Pertukaran  
nama  
Mahkamah  
Kadi Besar.

(2) Orang yang sebaik sahaja sebelum berkuatkuasa Enakmen ini memegang jawatan Kadi Besar hendaklah, tertakluk kepada Enakmen ini, disifatkan sebagai Hakim Mahkamah Tinggi Syariah dan hendaklah mempunyai kuasa di bawah bidangkuasa Mahkamah itu sehingga perlantikan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah di bawah Enakmen ini dibuat.

**120.** Sebelum Mahkamah Rayuan Syariah ditubuhkan di bawah seksyen 42 Enakmen ini, Mahkamah Ulang Bicara yang ditubuhkan di bawah Enakmen 1982 hendaklah dikekalkan dengan mempunyai segala kuasa Mahkamah Rayuan Syariah di bawah Enakmen ini dan orang-orang yang sebelum berkuatkuasa Enakmen ini telah dilantik menjadi hakim Mahkamah Ulang Bicara hendaklah disifatkan sebagai Hakim Mahkamah Rayuan Syariah dan hendaklah mempunyai kuasa di bawah bidangkuasa Mahkamah itu sehingga perlantikan Hakim Mahkamah Rayuan Syariah di bawah Enakmen ini dibuat.

Mahkamah  
Ulang Bicara  
Di bawah  
Enakmen  
1982.

**121.** Bahagian I, II, III, IV, VII, VIII, XIII dan seksyen-seksyen 231, 232, 233, 234, 235, 236 dan 241 Bahagian XII Enakmen 1982 adalah dengan ini dimansuhkan dan hendaklah terhenti daripada dipakai di Negeri Pahang.

Pemansuhan

Dengan syarat bahawa semua prosiding yang telah dimulakan atau apa juar yang dilakukan dengan sewajarnya di bawah peruntukan yang dengan ini dimansuhkan hendaklah diteruskan seolah-olah Enakmen ini belum diluluskan.